Vol. 22 No. 1 (2022)
ISSN: 1823-4313 / e-ISSN: 2785-9169
https://ejournal.unipsas.edu.my/

RANTAIAN SANAD *AL-KUTUB AL-SITTAH* SHAH WALIYY ALLAH AL-DIHLAWI (1114-1176H): TUMPUAN KARYA *AL-IRSHAD ILA MUHIMMAT 'ILM AL-ISNAD*

CHAIN OF SANAD THE SIX BOOKS SHAH WALIYY ALLAH AL-DIHLAWI (1114-1176H):A FOCUS ON WORK *AL-IRSHAD ILA MUHIMMAT 'ILM AL-ISNAD*

Farhah Zaidar binti Mohamed Ramli [1*]

[1] Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Shah Waliyy Allah al-Dihlawi merupakan tokoh ulama hadis merangkap revivalis terkemuka India abad ke-12H. Tokoh mengungguli pembaharuan untuk melindungi kesucian Islam sejajar ancaman yang menimpa umat Islam pada masa hayat beliau. Pembaharuan tersebut dilakukan dalam tiga pendekatan utama iaitu penulisan, pemikiran dan pendidikan dalam pelbagai disiplin ilmu pengajian Islam termasuk hadis. Pendek kata survival Islam mampu pudar dan lenyap tanpa kepimpinan tokoh. Salah satu pembabitan tokoh yang meninggalkan dampak yang besar dalam konteks ilmu hadis adalah penulisan karya penting berjudul al-Irshad ila Muhimmat 'Ilm al-Isnad. Menerusi karya ini, Shah Waliyy Allah al-Dihlawi menggariskan semula relevansi penjagaan persambungan rantaian sanad kitab-kitab turath muktabar hadis seperti al-Kutub al-Sittah. Karya dalam kategori thabat ini mencetuskan semula korpus perbincangan kepentingan persambungan ikatan sanad kitab turath yang hampir tenggelam tidak diwacanakan lagi. Makalah ini bertujuan untuk mendedahkan rantaian sanad al-Kutub al-Sittah Shah Waliyy Allah al-Dihlawi berdasarkan analisis kandungan karya tersebut. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif. Penemuan rantaian sanad terangkum dalam perbincangan berasaskan spesifikasi latar belakang pengarang dan karya, guru sanad, jumlah perawi jalur utama, metode riwayat, sampel dan relevansi. Rumusan keseluruhan menunjukkan bahawa berasaskan karya ini, tokoh memainkan peranan yang signifikan untuk mengembalikan spektrum pemikiran relevansi rantaian sanad serta mengembali momentum pengamalan persambungan rantaian sanad berdasarkan adaptasi kepatuhan metode periwayatan hadis yang asal. Rantaian sanad beliau dalam karya ini menjadi penghubung utama kesinambungan salasilah sanad sehingga kini khususnya di benua India. Implikasi daripada hasil kajian menunjukkan periwayatan rantaian sanad berteraskan kitab-kitab turath hadis adalah relevan diaplikasikan tanpa batasan masa kerana ia bertujuan umumnya untuk mengekalkan kesinambungan dengan sumber mutlak ilmu iaitu Rasulullah SAW.

Kata kunci: Sanad, al-Kutub al-Sittah, Shah Waliyy Allah al-Dihlawi, India, relevansi, pengajian Islam

Perkembangan Artikel

Diterima: 10 Ogos 2022
Disemak: 2 Oktober 2022
Diterbit: 31 Oktober 2022

* Corresponding Author:
Farhah Zaidar binti Mohamed Ramli
Emel: *farhahzaidar@kuis.edu.my*

Abstract

Shah Waliyy Allah al-Dihlawi is a leading hadith scholar and prominent revivalist of India in the 12th century. The figure excelled in reforms to protect the sanctity of Islam in line with the threats that befell Muslims during his lifetime. The reform was done in three main approaches, namely writing, thinking and education in various disciplines of Islamic studies, including hadith. In other words, without the leadership of a figure, Islam's survival is in jeopardy. The work of al-Irshad ila Muhimmat 'Ilm al-Isnad is a proof of the involvement of figures who had a significant impact on the science of hadith. Through this work, Shah Waliyy Allah al-Dihlawi re-emphasizes the relevance of maintaining the chain connection of the books of turath muktabar hadith such as the Six Books. The work in this category of thabat reignites the corpus of discussion on the importance of the chain connection in books of turath which almost diseappear and no longer discoursed. This paper aims to reveal the chain of sanad the Six Books according to Shah Waliyy Allah al-Dihlawi based on descriptive content analysis method in analyzing his work. The findings of the chain are summarized in a discussion based on the background specifications of the author and his work, the teacher's chain, numbers of main line of narrator, method of riwayah, samples and relevance. Based on this work, it can be summed that the figure plays a significant role in restoring the relevance on the spectrum of chain as well as the momentum of chain connection practice based on adherence adaptation of the original hadith narration method. His chain of sanad in this work is the primary connection in the continuity of the chain of sanad thus far, especially in the Indian subcontinent. This study suggests that the narration of the chain of sanad based on the turath books of hadith is relevant to be applied endlessly as it generally aims to maintain continuity with the absolute source of knowledge, prophet PBUH.

Keywords: *Sanad, the Six Books, Shah Waliyy Allah al-Dihlawi, India, relevance, Islamic studies.*

Pengenalan

Ulama hadis sejati merupakan golongan cendekiawan yang memiliki kesedaran serta sensiviti yang tidak pernah pudar dalam melunaskan tugasan penjagaan pengekalan rantaian sanad hadis-hadis Rasulullah SAW. pada setiap zaman. Ia berpunca daripada pandangan alam mereka yang sukar untuk goyah dalam meyakini bahawa kesinambungan rantaian sanad berteraskan kitab-kitab *turath* hadis sehingga bertaut kepada Nabi SAW. merupakan kemuliaan unggul anugerah Allah s.w.t. dalam sistem keilmuan pengajian Islam (al-Barni 1988 & al-Tarmasi 1987). Pertautan ini merupakan tujuan unggul yang dapat dicapai menerusi mekanisme periwayatan rantaian sanad berlandaskan adaptasi kepatuhan metode periwayatan hadis yang asal iaitu berdasarkan disiplin *al-tahammul* (al-Dihlawi 2009). Justeru berasaskan pandangan alam ini, maka hampir tiada sebarang prejudis dalam kalangan mereka untuk terus mendokong tradisi meriwayatkan rantaian sanad hadis berteraskan kitab-kitab *turath* terutama *al-Kutub al-Sittah* pada setiap zaman (al-Rajihiyy 2001& al-Fadani 1983).

Malah kegiatan golongan dalam arena ini telah diberi entiti rasmi dengan taraf yang digelar *al-musnid*. Ia merupakan salah satu entiti tersendiri serta taraf paling asas yang wujud dalam lingkungan kesarjanaan hadis. Ia ditakrifkan sebagai ahli yang bergiat aktif meluaskan

periwayatan rantaian sanad hadis dan juga lain-lain rantaian sanad ilmu-ilmu pengajian Islam dengan menghasilkan karya-karya yang mendokumenkan rantaian tersebut secara sistematik yang disebut sebagai *thabat* atau karya sanad serta memiliki *ijazah* persambungan riwayat daripada jalur guru Timur dan Barat dunia Islam. (al-Tarmasi 1987& Mahmud 2009).

Manakala karya *thabat* dapat dirujuk sebagai sejenis karya yang menghimpun rantaian sanad keilmuan pengarang yang diperolehi daripada para guru *al-musnid* menerusi aplikasi secara adaptasi metode-metode *al-tahammul* seperti *al-sama'* (pendengaran), *al-'ard* (pembacaan) atau *ijazah* berteraskan kitab-kitab *turath* hadis mahu pun lain-lain kitab dalam pengajian Islam. (Ghassan 'Isa 2014 & al-Ghawri 2007). Dalam konteks hadis, susur galur rantaian ini akan bertaut kepada pengarang kitab *turath* hadis serta paras tertinggi rantaian seterusnya akan turut terhubung sampai kepada Rasulullah SAW. (Abu Ghuddah 1992 & Brown 2009). Ensiklopedia *sanad* susunan al-Mar'ashli (2002) berjudul *Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhat wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat* berjaya menyenaraikan sekitar 3081 judul-judul karya *al-thabat* yang disusun oleh lebih kurang 1760 orang ilmuwan *al-musnid* semenjak kurun ke 6H sehingga kurun ke 15H. Jadual 1 berikut memperincikan 11 contoh *al-musnid* dalam kalangan tokoh hadis serta sampel karya *thabat* yang dihubungkan dengan mereka.

Jadual 1: Tokoh Hadis *al-Musnid*

BIL	KURUN	NAMA	CONTOH KARYA *THABAT*
1	6H	Al-Qadi 'Iyad, Abu al-Fadl 'Iyad bin Musa bin 'Iyad bin 'Amr bin Musa al-Yahsabi (w.544H)	*al-Ghunyah*
2	6H	Ibn al-Jawzi, Jamal al-Din Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin Muhammad bin 'Ubayd Allah al-Taymi al-Bakri (w.598H).	*Mashyakhah Ibn al-Jawzi*
3	7H	Ibn al-Salah, Taqiyy al-Din 'Abd al-Rahman bin 'Uthman bin Musa al-Kurdi al-Shahrazuri (w. 643H).	*al-Musalsal bi al-Awwaliyyah*
4	7H	Rashid al-Din Abu Bakr Muhammad ibn Zakiyy al-Din 'Abd al- 'Azim bin 'Abd al-Qawiyy al-Mundhiri (w.643H).	*Mashyakhah al-Burujizdi*
5	8H	Sharaf al-Din Abu al-Husayn 'Ali bin Muhammad bin Ahmad bin 'Abd Allah bin 'Isa al-Ba 'labaki al-Yunini (w.701H).	*Mashyakhah al-Yunini*
6	8H	Jamal al-Din Abu al-Hajjaj Yusuf ibn al-Zakiyy 'Abd al-Rahman bin Yusuf al-Mizzi (w.742H).	*Mashyakhah Sunjur*
7	8H	Shams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi (w.763H)	*al-Mu 'jam al-Kabir*
8	9H	Zayn al-Din Abu al-Fadl 'Abd al-Rahim bin al-Husayn bin 'Abd al-Rahman bin Ibrahim al-Kurdi al- 'Iraqi (w. 852H).	*Arba 'un Hadithan 'Ashariyyah al-Isnad*
9	9H	Ibn Hajar al- 'Asqalani, Ahmad bin 'Alibin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Ahmad (w. 852H).	*al-Majma' al-Mu'assis li Mu'jam al-Mufahris*

10	10H	Muhammad bin ‘Abd al-Rahman bin Muhammad ibn Abu Bakr bin ‘Uthman bin Muhammad al-Sakhawi (w.902H).	*Thabat bi al-Kutub allati Qara’ah al-Sakhawi wa al-Biqa‘i ‘ala Ibn Hajar*.
11	10H	‘Abd al-Rahman bin Abu Bakr bin Muhammad bin Sabiq al-Din ibn al-Fakhr ‘Uthman ibn Nazir al-Din Muhammad ibn Sayf al-Din Khidr al-Suyuti (w.911H).	*al-Munjam fi al-Mu ‘jam*

Sumber al-Mar’ashli (2002)

Sehubungan dengan itu, tokoh ulama hadis merangkap revivalis terkemuka India abad ke-12H, al-Dihlawi (2009) yang juga dikenali dengan gelaran Shah Waliyy Allah turut mengikuti jejak tokoh-tokoh hadis berkenaan dalam kegiatan ini menerusi penghasilan karya *thabat* berjudul *al-Irshad ila Muhimmat ‘Ilm al-Isnad.* Ia merupakan antara karya *thabat* beliau yang meninggalkan dampak yang besar dalam mengembalikan spektrum pemikiran relevansi rantaian sanad serta mengembalikan momentum pengamalan persambungan rantaian sanad berdasarkan adaptasi kepatuhan metode periwayatan hadis yang asal pada zaman beliau. Namun kandungan karya ini hampir tidak pernah diulas secara kritis. Justeru, makalah ini bertujuan untuk mendedahkan kandungan karya ini dengan memberi tumpuan kepada subjek rantaian sanad *al-Kutub al-Sittah*. Data-data dikumpul berdasarkan analisis kandungan karya tersebut. Hasil dan keputusan kajian dianalisis secara deskriptif. Penemuan rantaian sanad terangkum dalam perbincangan berasaskan spesifikasi latar belakang pengarang dan karya, guru, metode riwayat, jumlah perawi jalur utama, sampel dan relevansi.

Latar Belakang Pengarang

Nama lengkap al-Dihlawi menerusi jalur salasilah bapa ialah Shaykh Ahmad bin ‘Abd al-Rahim bin Wajih al-Din al-Shahid bin Mu’azzam bin Mansur bin Ahmad bin Mahmud bin Qawwam al-Din bin Qasim ibn Kabir al-Din bin ‘Abd al-Malik bin Qutb al-Din bin Kamal al-Din bin Shams al-Din bin Shair Malik bin Muhammad bin Abi al-Fath bin ‘Umar bin ‘Adil bin Faruq bin Jar Jais bin Ahmad bin Muhammad bin ‘Uthman bin Mahan bin Hamayun bin Quraish bin Sulaiman bin ‘Affan ibn ‘ Abd Allah bin Muhammad bin ‘Abd Allah bin ‘Umar bin al-Khattab al-‘Adwi al-Qurshi. (al-‘Atiyyah 2008) Susur galur ini menunjukkan beliau mempunyai hubungan keturunan dengan Sayyidina ‘Umar bin al-Khattab.

Imbasan sejarah merekodkan kelahiran al-Dihlawi adalah bertepatan tarikh 14 Syawal tahun 1114H (al-Barni, 1988) di bandar Delhi, India (al-‘Atiyyah 2008). Secara keseluruhan, beliau diiktiraf sebagai tokoh revivalis lagenda dalam aspek ilmu, amalan dan kemasyhuran dalam kalangan ilmuwan dunia Islam sepanjang zaman (al-Mar’ashli, 2002). Namun secara khusus, beliau diabadikan sebagai salah seorang tokoh ulama hadis handalan India abad ke 12H dalam erti kata pengembang, penggerak kemajuan serta juga pemimpin unggul ilmuwan hadis India. Menurut al-‘Atiyyah (2008), kesarjanaan tokoh dalam jurusan ilmu hadis dapat ditelusuri menerusi 10 buah karya beliau yang utama. Tiga daripadanya iaitu karya berjudul *Hujjah Allah al-Balighah*, *Tarajum Abwab al-Bukhari wa Sharhuha* dan *al-Musaffa Sharh al-Muwatta’* dianggap sebagai karya langka yang pernah dihasilkan oleh tokoh dalam bidang hadis. Karya-karya ini menzahirkan kewibawaan beliau sebagai tokoh ulama hadis abad ke 12H.

Namun terdapat sejenis karya yang dihasilkan oleh al-Dihlawi yang turut menyempurnakan ketokohan beliau sebagai ulama hadis tulen. Ia sekaligus dapat mengiktiraf beliau sebagai *musnid* tersohor India Abad ke 12H. Karya-karya tersebut adalah enam buah karya dalam kategori *thabat* iaitu sejenis karya yang menghimpun rantaian sanad keilmuan pengarang yang diperolehi daripada para guru *al-musnid* menerusi aplikasi secara adaptasi metode-metode *al-tahammul* seperti *al-sama'* (pendengaran), *al-'ard* (pembacaan) atau *ijazah* berteraskan kitab-kitab *turath* hadis mahu pun lain-lain kitab dalam pengajian Islam sebagaimana enam judul berikut (al-Mar'ashli, 2002):

1. *Al-Irshad ila Muhimmat 'Ilm al-Isnad*
2. *Al-Intibah fi salasul Awliya' Allah wa Asanid Warithi Rasulullah*
3. *Insan al-'Ayn fi Mashayikh al-Haramayn*
4. *Al-Fadl al-Mubin fi al-Musalsal min Hadith al-Nabiyy al-Amin*
5. *Al-Qawl al-Jamil fi Bayan Sawa' al-Sabil*
6. *Musalsalat Waliyy Allah al-Dihlawi*

Berdasarkan penghasilan enam karya *thabat* tersebut, al-Mar'ashli (2002) menyenaraikan al-Dihlawi sebagai salah seorang daripada 176 tokoh *musnid* abad ke 12H. Karya-karya ini menempatkan kedudukan tokoh sebagai sandaran utama persambungan sanad terhadap kitab-kitab *turath* hadis untuk susur galur benua India dan meluas tersebar ke seluruh pelosok dunia Islam sehingga kini. (al-Barni 1988 & al-'Atiyyah, 2008). Karya-karya ini mendokumentasilan rantaian sanad keilmuan beliau dalam pelbagai bidang ilmu pengajian Islam terutamanya ilmu hadis yang diriwayatkan berdasarkan kepatuhan metode periwayatan hadis yang asal iaitu menerusi mekanisme *al-tahammul*. Karya berjudul *al-Irshad ila Muhimmat 'Ilm al-Isnad* merupakan salah satu karya penting yang merekodkan rantaian sanad *al-Kutub al-Sittah* yang diriwayatkan oleh tokoh daripada sejumlah guru sanad atau guru riwayat beliau yang utama.

Latar Belakang Karya

Al-Dihlawi (2009) dicatatkan telah menulis karya *al-Irshad ila Muhimmat 'Ilm al-Isnad* sewaktu beliau berada di Mekah. Beliau turut menjelaskan bahawa motif karya ini ditulis adalah berdasarkan keperluan zaman kerana ilmu rantaian sanad ini hampir dilupakan dan jarang dititik beratkan lagi pada masa hayatnya. Menurut beliau sendaan terhadap ilmu ini mudah terjadi lantaran kejahilan yang melanda umat Islam ketika itu.

Karya *al-Irshad ila Muhimmat 'Ilm al-Isnad* juga memiliki salasilah periwayatan. Jadual 2 menunjukkan terdapat tujuh ulama yang bersilih ganti meriwayatkan kandungan karya tersebut sehingga sampai kepada pengarang asal. Antaranya menerusi kaedah membaca di hadapan guru iaitu *al-qira'ah* dan juga keizinan meriwayatkan kitab iaitu *al-ijazah*. (al-Dihlawi, 2009).

Jadual 2: Salasilah Karya *al-Irshad ila Muhimmat 'Ilm al-Isnad*

BIL	NAMA PERIWAYAT SALASILAH KARYA *AL-IRSHAD ILA MUHIMMAT 'ILM AL-ISNAD*
1	Badr bin 'Ali bin Thami al-'Utaibi -pentahqiq
2	*al-Muhaddith* Abu Sa'ad 'Abd al-Rahman bin Sa'ad al-'Iyaf al-Dusri al-Wada'ani al-Hanbali al-Athari
3	*Al-Muhaddith al-Faqih al-Mu'arrikh* al-Hanbali al-Athari Sulayman bin 'Abd al-Rahman al-Hamdan
4	*Al-'Allamah Muhaddith al-Hijaz* Abi al-Fayd wa Abi al-'Is'ad 'Abd al-Sattar bin 'Abd al-Wahhab al-Siddiqi al-Hanafi
5	*Al-Shaykhah al-Faqihah* Khadijah bint *al-'Allamah al- Muhaddith* Ishaq al-Dihlawi
6	Daripada bapanya *al-'Allamah al-Muhaddith* Ishaq al-Dihlawi
7	Daripada datuknya al-'Allamah al-Shaykh 'Abd al-'Aziz bin Waliyy Allah al-Dihlawi
8	Daripada bapanya Waliyy Allah al-Dihlawi pengarang kitab

Sumber: Shah Waliyy Allah al-Dihlawi (2009)

Jadual 2 menunjukkan perawi bilangan kelima sampai kelapan mempunyi hubungan kekeluargaan dengan pengarang. Perawi kelima merupakan anak perempuan kepada perawi keenam merangkap cucu perempuan untuk perawi ketujuh. Manakala perawi ketujuh merupakan anak kepada pengarang. Hubungan kekeluargaan dalam linkungan perawi ini menjadi faktor utama kesinambungan salasilah sanad dapat dilestarikan. Ia merupakan tradisi dalam kalangan ilmuwan hadis iaitu menitikberatkan pewarisan ilmu dalam kalangan keluarga terdekat (Ghassan 'Isa 2014 & al-Mar'ashli 2002). Salasilah kitab seumpama ini turut berfungsi memelihara sekuriti penisbahan kandungan kitab terutama dalam bentuk manuskrip kepada pengarang asal ('Ali' Jumu'ah 2004).

Kandungan utama karya *al-Irshad ila Muhimmat 'Ilm al-Isnad* adalah dokumentasi 34 rantaian sanad yang diriwayatkan oleh al-Dihlawi (2009) terhadap 34 buah kitab *turath*. Beliau menyenaraikan satu persatu nama-nama dalam setiap rantaian sehingga sampai kepada setiap pengarang bagi setiap kitab terbabit. Jadual 3 memperincikan 34 judul kitab *turath* berkaitan yang diklasifikasikan kepada enam jenis pengkaryaan.

Jadual 3: Karya *Turath* Bersanad dalam *al-Irshad ila Muhimmat 'Ilm al-Isnad*

BIL.	JENIS KARYA HADIS	JUDUL KARYA
1	Kitab *Sahih*	*1. Sahih al-Bukhari* *2. Sahih Muslim* *3. Sahih al-Imam ibn Hibban*
2	Kitab *Sunan*	*4. Sunan Abi Dawud* *5. Jami'al-Imam al-Tirmidhi* *6. Sunan al-Imam al-Nasa'i* *7. Sunan Ibn Majah* *8. Sunan al-Imam al-Daraqutni* *9. Sunan al-Kubra wa Sughra al-Imam al-Baihaqi*
3	Kitab *al-Masanid*	*10. Musnad al-Imam al-Darimi* *11. Musnad al-Imam al-Shaf 'i* *12. Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal* *13. Musnad al-Imam Abi Yu 'la* *14. Musnad al-Imam Abi Dawud al-Tayalisi*

		15. *Musnad al-Firdaus oleh al-Daylami* 16. *Musnad al-Shihab oleh al-Quda 'i* 17. *Musnad al-Imam Abi Hanifah oleh Harithi* dan *Ibn Khasr* 18. *Musnad al-Harith bin Abi Usamah*
4	Kitab *al-mustadrakat*	19. *Mustadrak al-Imam al-Hakim*
5	Kitab *al-Ma 'ajim*	20. *Ma 'ajim al-Imam al-Tabarani*
6	Lain-lain	21. *Al-Hilyah oleh Imam Abi Na 'im al-Asbahani* 22. *Musannafat al-Imam al-Khatib al-Bagdadi* 23. *'Amal al-Yaum wa al-Lailah oleh Ibn Sani* 24. *Kitab al-Tauhid oleh Ibn Mandah* 25. *Al-Shari 'ah oleh Imam al-Ajari* 26. *Sharah al-Sunnah wa al-Masabih wa Ma'alim al-Tanzil oleh al-Baghawi* 27. *Tafsir al-Wasit oleh al-Wahidi* 28. *Qut al-Qulub oleh Abi Talib* 29. *Al-Ghunyah oleh 'Abd al-Qadir al-Jaylani* 30. *Jami' al-Usul oleh Ibn al-Athir* 31. *Kitab al-'Umdah wa 'Itiqad al-Shafi'i oleh al-Maqdisi* 32. *Mashariq al-Anwar oleh al-Saghani* 33. *Al-Targhib wa al-Tarhib oleh al-Mundhiri* 34. *Al-Mukhtarah oleh al-Diya' al-Maqdisi*

Sumber al-Dihlawi (2009)

Senarai di atas menunjukkan terdapat 22 buah kitab *turath* berkaitan hadis termasuk *al-Kutub al-Sittah.*

Guru Sanad Utama *Al-Kutub Al-Sittah*

Shaykh Abi Tahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (w.1145H) merupakan guru sanad atau guru *musnid* paling utama kepada al-Dihlawi (2009) dalam konteks periwayatan salasilah sanad termasuk untuk *al-Kutub al-Sittah*. Beliau merupakan tokoh *musnid* terkenal di Mekah dan Madinah. Dalam erti kata lain, guru ini merupakan sandaran serta perantara utama kesinambungan rantaian sanad beliau untuk kebanyakan ilmu-ilmu Islam terutama ilmu hadis. al-Dihlawi (2009) memeterai ikatan persambungan sanad periwayatan ilmu bersandarkan guru ini menerusi kaedah *sima'an 'alayh* (pendengaran) seluruh rantaian sanad yang terkandung dalam karya *thabat* bapa kepada guru terbabit yang berjudul *al-Amam li Iqaz al-Himam* yang dibacakan guru di hadapan bapanya.

Manakala guru beliau ini; Shaykh Abi Tahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (w.1145H) secara keseluruhannya adalah memiliki ikatan kesinambungan rantaian sanad keilmuan Islam dengan tujuh orang guru yang merangkap tokoh-tokoh *al-musnid* Mekah Madinah yang tersohor sebagaimana jadual 4 berikut.

Jadual 4: Guru *Musnid* kepada Shaykh Abi Tahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (w.1145H)

BIL	KURUN	NAMA GURU *AL-MUSNID*	KARYA *THABAT* GURU
1	11H	Al-Shaykh Muhammad bin al-'Ala al-Babili (w.1077H)	*Muntakhab al-Asanid fi wasl al-Musannafat wa al-Ajza' wa al-Masanid*
2		Al-Shaykh 'Isa al-Maghribi al-Ja'fari (w. 1080H)	*Maqalid al-Asanid*
3		Al-Shaykh Muhammad bin Sulayman al-Raddani al-Maghribi (w.1094H)	*Sillah al-Khalaf bi Mawsul al-Salaf*
4	12H	Al-Mullah Shaykh Ibrahim al-Kurdi (w.1111H)-bapa-	*al-Amam li Iqaz al-Himam*
5		Al-Shaykh Hassan bin 'Ali al-'Ujaymi al-Makki (w.1113H)	*Kifayah al-Muttattali' lima Zahar wa Khafiy min Marwiyyat Shaykhana Abi 'Ali*
6		Al-Shaykh Ahmad bin Muhammad al-Nakhli al-Makki (w.1130H)	*Bughyah al-Talibin li Bayan al-Mashayikh al-Muhaqqiqin al-Mudaqqiqin*
7		Al-Shaykh 'Abd Allah bin Salim al-Basri al-Makki (w.1134H)	*Al-Imdad bi Ma 'rifah 'Uluww al-Isnad*

Sumber: Shah Waliyy Allah al-Dihlawi (2009)

Guru yang keempat iaitu al-Mullah Shaykh Ibrahim al-Kurdi (w.1111H) sebagaimana yang tertera dalam jadual 3, merupakan bapa kandung kepada kepada Shaykh Abi Tahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (w.1145H). Selain itu, al-Dihlawi (2009) turut menjelaskan bahawa beliau juga meriwayatkan tujuh buah karya *thabat* tokoh-tokoh berkenaan sebagaimana yang tertera dalam jadual 3 di atas menerusi metode *al-ijazah* daripada Shaykh Abi Tahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (w.1145H).

Jumlah Perawi Dan Metode Riwayat Rantaian Sanad *Al-Kutub Al-Sittah* Menerusi Jalur Guru Utama

Jadual 5 memperincikan jumlah perawi dan metode riwayat dalam rantaian sanad *al-Kutub al-Sittah* yang diriwayatkan oleh al-Dihlawi menerusi jalur guru utama iaitu Shaykh Abi Tahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (w.1145H).

Jadual 5: Jumlah Perawi dalam Rantaian Sanad *al-Kutub al-Sittah*

BIL	*AL-KUTUB AL-SITTAH*	JUMLAH PERAWI DALAM RANTAIAN	METODE RIWAYAT/*AL-TAHAMMUL*	GURU SANAD
1	*Sahih al-Bukhari*	16	*al-'ard wa al-sama'*	
2	*Sahih Muslim*	16		Shaykh Abi Tahir
3	*Sunan Abi Dawud*	16		Muhammad bin Ibrahim
4	*Jami'al-Imam al-Tirmidhi*	19	*al-ijazah*	al-Kurdi al-Madani (w.1145H)
5	*Sunan al-Imam al-Nasa'i*	16		
6	*Sunan Ibn Majah*	16		

Sumber al-Dihlawi (2009)

Al-Dihlawi (2009) mencatatkan bahawa beliau berpeluang membaca (*al-'ard*) hadis-hadis dalam *Sahih al-Bukhari* daripada awal hingga akhir di hadapan Shaykh Abi Tahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (w.1145H) kecuali sedikit sahaja yang gurunya pula membaca dan beliau mendengar (*al-sama'*). Proses *al-'ard* dan *al-sama'* terhadap hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* ini berjaya dikhatamkan bertepatan waktu Asar pada hari Ahad bersamaan 22 Rejab tahun 1144H. Majlis pengkhataman ini turut dihadiri oleh sejumlah ilmuwan lain seperti al-Barni (al-Dihlawi 2003).

Kesempatan untuk mengaplikasi metode *al-tahammul* seumpama ini adalah diperolehi ketika al-Dihlawi (2003) berkunjung menemui Shaykh Abi Tahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (w.1145H) di Madinah pada tahun berkenaan iaitu sekitar usia beliau dalam lingkungan 30 tahun. Manakala baki lagi lima kitab adalah diriwayatkan secara *al-ijazah* daripada guru yang sama tersebut. Kesemua metode yang diaplikasikan tersebut bertujuan untuk memeterai kesinambungan periwayatan rantaian sanad tanpa putus sehingga sampai kepada pengarang-pengarang asal kitab *turath* hadis serta berterusan kembali bertaut kepada Rasulullah SAW. di kemuncak rantaian.

Sampel Rantaian Sanad *Sahih Al-Bukhari*

Al-Dihlawi (2009) menyenaraikan 15 nama ilmuwan yang menjadi mata rantai penyambung periwayatan rantaian sanad beliau terhadap kitab *Sahih al-Bukhari*. Jadual 6 berikut memperincikan senarai nama tersebut.

Jadual 6: Rantaian Sanad Kitab *Sahih al-Bukhari* al-Dihlawi

BIL	KURUN	NAMA RIJAL/PERAWI *SAHIH AL-BUKHARI*	METODE RIWAYAT/ *AL-TAHAMMUL*
1	**3H**	**Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H)**	
2	4H	Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf bin Matar bin Salih bin Bashar al-Firabri (w. 320H)	*al-sama'*

3		Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Ahmad al-Sarkhasi (w. 381H)	*al-sama‘*
4	5H	Shaykh Abi al-Hasan ‘Abd al-Rahman bin Mazfar bin Muhammad bin Dawud al-Dawudi (w. 467H)	*al-sama‘*
5	6H	‘Abd al-Awwal bin ‘Isa bin Shu‘ayb al-Sajazi al-Harawi (w. 553H)	*al-sama‘*
6	7H	Shaykh Siraj al-Ddin al-Hussayn bin al-Mubarak al-Hanbali al-Zabidi (w. 631H)	*al-sama‘*
7	8H	Shaykh Abi al-’Abbas Ahmad bin Abi Talib al-Hajjar (w. 730H)	*al-sama‘*
8	9H	Shaykh Zayn al-Ddin Ibrahim bin Ahmad al-Tanukhi (w.800H)	*al-sama‘*
9		Shaykh Shihab al-Ddin Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani (w.825H)	*al-sama‘*
10	10H	Shaykh al-Islam Abi Yahya Zakariyya bin Muhammad al-Ansari (w. 926H)	*al-qira’ah/al-‘ard*
11	11H	Shaykh Shamsuddin Muhammad bin Ahmad Ibn Muhammad al-Ramli (w.1004H)	*al-qira’ah/al-‘ard*
12		Shaykh Abi al-Mawahib Ahmad bin ‘Abd al-Quddus al-Shinnawi (w.1028H)	*al-qira’ah/al-‘ard*
13		Shaykh Ahmad al-Qushashi (w.1071H)	*al-ijazah*
14	12H	Al-Mullah Shaykh Ibrahim al-Kurdi (w.1111H)	*al-qira’ah & al-ijazah*
15		Shaykh Abi Tahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (w.1145H)	*al-qira’ah/al-‘ard*
16		**Shah Waliyy Allah al-Dihlawi (w.1174H)**	*al-‘ard wa al-sama‘*

Sumber al-Dihlawi (2009) al-Dihlawi (2003) Ibn Hajar al-‘Asqalani (1992)

Keseluruhan 16 ulama tersebut layak tersenarai dalam rantaian sanad ini secara sambung menyambung di antara satu sama lain kurun demi kurun kerana telah melalui proses *al-tahammul* berdasarkan metode masing-masing sebagaimana yang tertera dalam jadual 6 termasuk al-Dihlawi (2009). Implikasi daripada proses ini adalah membawa impak pengekalan kesinambungan rantaian tanpa putus sehingga sampai kepada pengarang. Seterusnya menerusi pengarang *Sahih al-Bukhari*, rantaian akan berterusan bersambung sanadnya sehingga sampai kepada Rasulullah SAW.

Relevansi Rantaian *Al-Kutub Al-Sittah*

Al-Dihlawi (2009) menegaskan rantaian sanad kitab-kitab *turath* seumpama ini adalah relevan diaplikasikan kesinambungannya tanpa batasan masa. Hal ini adalah kerana ia tertakluk kepada tiga aspek relevansi berikut:

1. Relevansi Tujuan

Menurut al-Dihlawi (2009) tujuan rantaian ini dipersambungkan berdasarkan adaptasi kepatuhan metode periwayatan hadis yang asal iaitu *al-tahammul* adalah untuk menghubungkan periwayatan hadis dengan sumber mutlak iaitu Rasulullah SAW. Pengekalan kesinambungan rantaian hadis sehingga sampai kepada baginda SAW. turut membawa erti pengekalan syariat Nabi Muhammad SAW. Ini merupakan relevansi terbesar yang dapat diraih daripada tujuan penjagaan kesinambungan rantaian sanad ilmu hadis khususnya. Justeru jika hal penjagaan kesinambungan

rantaian sanad diabaikan, menurut al-Dihlawi (2009) syariat Islam bersumberkan hadis bakal mendepani ancaman pemutusan serta perpisahan antara syariat dan sumbernya yang asal iaitu Rasulullah SAW. dalam konteks sanad.

2. Relevansi Mekanisme

Menurut al-Dihlawi (2009), secara natural, ilmu berdasarkan penyampaian perkhabaran daripada seseorang pasti memiliki mekanisme bagaimana ia disampaikan atau diambil daripada seseorang yang menjadi sumber. Justeru dalam ilmu hadis, al-Dihlawi (2009) mengulas bahawa terdapat mekanisme sedemikian yang dikenali sebagai *al-tahammul* iaitu penerimaan hadis. Ia umumnya sama ada terdiri menerusi metode *sama'* iaitu guru membaca sambil murid mendengar bacaan guru, atau *'ard* iaitu pembacaan murid di hadapan guru dan guru mendengar atau *kitabah* iaitu guru menulis keseluruhan rantaian sanad pendengaran ilmu yang diriwayatkannya sama ada di hadapan murid atau tanpa kehadiran murid serta diiringi keizinan (*ijazah*) periwayatan keseluruhan ilmu tersebut kepada murid.

Ketiga-tiga metode kekal relevan diaplikasikan tanpa batasan waktu kerana ia mekanisme yang dapat merealisasikan tatacara kesinambungan rantaian sanad antara perawi. Dengan itu, ia konsisten diadaptasi pada setiap zaman sebagai mekanisme kesinambungan rantaian sanad kitab-kitab *turath* hadis yang selesai dibukukan.

Al-Dihlawi (2009) menegaskan bahawa berdasarkan justifikasi generasi mutakhir pasti tidak berpeluang bertemu dengan Rasulullah SAW secara langsung maka tidak mungkin bersambung sanad hadis-hadis baginda SAW antara mereka dengan Rasulullah SAW. kecuali menerusi perantara-perantara. Rentetan daripada itu, al-Dihlawi melakukan perjalanan daripada India ke Mekah dan Madinah untuk menemui guru-guru *al-musnid* demi mempraktikkan metode-metode *tahammul* tersebut. Menerusi guru-guru ini, beliau berpeluang meriwayatkan salasilah atau rantaian sanad kitab-kitab *turath* hadis khususnya *al-Kutub al-Sittah*. Nama-nama ilmuwan dalam rantaian sanad ini menjadi sumber perantara beliau dalam menyandarkan sanad sehingga sampai kepada pengarang dan seterusnya pada kemuncak rantaian terhubung sampai kepada Rasulullah SAW.

Al-'Atiyyah (2008) merumuskan kenyataan al-Dihlawi berkenaan metode *al-tahammul wa al-ada'* ini sebagai mekanisme standard dalam konteks persambungan sanad. Ia diperakukan dalam kalangan ilmuwan hadis turun-temurun. Ia juga merupakan mekanisme tunggal pengesahan kesinambungan periwayatan rantaian sanad keilmuan pengajian Islam. Dalam erti kata lain, kesahan persambungan sanad tidak dapat diiktiraf kecuali melalui metode-metode seperti *al-sama', al-'ard* atau *al-ijazah* secara lisan atau tulisan. Ia merupakan adaptasi kepatuhan terhadap metode periwayatan hadis yang asal.

3. Relevansi Anugerah

Al-Dihlawi (2009) sebagaimana tokoh-tokoh cendekiawan dunia Islam yang lain (al-Mar'ashli, 2002) menzahirkan relevansi hakiki yang tersirat mahu pun tersurat pada kesinambungan rantaian sanad kitab-kitab *turath* hadis terutamanya *al-Kutub al-Sittah* adalah tertakluk kepada keagungan kedudukan Rasulullah SAW. sebagai utusan Allah SAW. yang merangkap sumber mutlak ilmu syariat. Justeru, tiada setiap sesuatu yang berhubung kait dengan baginda SAW. kecuali mendapat kemuliaan dan penjagaan dari Allah s.w.t. termasuk ilmu sanad. Bahkan pernyataan sanad sebagai

anugerah Allah s.w.t. dalam sistem ilmu syariat umat Muhammad SAW. seringkali menjadi nukilan bersifat malar hijau sepanjang zaman.

Relevansi unggul berkaitan sanad sebagai anugerah antara lain adalah berkait rapat dengan kepentingan sanad *'ali*. Ia bererti menerusi sistem sanad, ketinggian rantaian sanad yang mendekatkan perawi kepada Rasulullah SAW. dan seterusnya kepada Allah s.w.t. adalah tidak mustahil untuk dicapai. Ketinggian rantaian sanad seumpama ini merupakan relevansi unggul dalam dinamika pengamalan sanad dalam tradisi ilmu-ilmu pengajian Islam (al-Khatib al-Baghdadi, 2008).

Seterusnya, menurut al-Dihlawi (2009) relevansi sanad sebagai satu anugerah pada asalnya adalah berkait dengan keupayaan sistem ini mengenal pasti kualiti periwayatan hadis berdasarkan keluasan saluran-saluran sanad yang terhimpun dalam khazanah ilmu Islam. Ini merupakan tujuan asas sanad diamalkan pada era periwayatan hadis iaitu pada kurun pertama, kedua dan ketiga hijrah. Kajian sanad dalam tempoh ini dapat mengesan kepelbagaian status hadis seperti *mustafid, masyhur, sahih, hasan, da'if* dan *mursal.*

Setelah itu, corak penggunaan sanad telah mengalami perubahan secra beransur-ansur kepada lain-lain fungsi berkaitan unsur sekuriti ilmu sejajar dengan perkembangan dan keperluan zaman mutakhir. Dalam erti kata lain, sanad masih lagi kekal relevan dalam pelbagai konteks seperti mana yang dibincangkan di atas serta memiliki dampak yang besar dalam melindungi kredibiliti ilmu-ilmu pengajian Islam terutama untuk pengekalan rantaian secara berkesinambungan sehingga sampai kepada Rasulullah SAW. (Ibn al-Salah 2003 & al-Mar'ashli, 2002).

Kesimpulan

Bertepatan kandungan *al-Irshad ila Muhimmat 'ilm al-Isnad*, karya ini menjadi bukti empirikal keseriusan usaha ulama hadis mengaplikasikan metode-metode *al-tahammul* seperti *al-sama', al-'ard* atau *al-ijazah* sebagai landasan untuk menyambung periwayatan rantaian sanad kitab-kitab *turath* hadis terutama *al-Kutub al-Sittah*. Ia hampir menjadi sebahagian daripada deskripsi asas tugasan mereka sebagai ulama hadis yang benar-benar bergelumang dalam kesarjanaan tulen hadis.

Sehubungan dengan itu, ketetapan Rasulullah SAW. sebagai sumber mutlak ilmu syariat menyebabkan isu persambungan rantaian yang terhubung dengan baginda SAW. adalah mustahil diketepikan. Dengan sebab itu, ulama hadis setiap kurun pasti bangkit merealisasikan usaha pengekalan rantaian sanad ini. Mereka akan memperuntukkan belanja, masa dan tenaga untuk melakukan perjalanan bersua muka secara langsung dengan guru-guru *musnid.* Setelah itu, semua rantaian sanad yang berjaya dimeterai kesinambungannya berlandaskan mekanisme *al-tahammul* akan diselenggarakan dan didokumentasikan secara sistematik dalam karya yang disebut *al-thabat*. Hal ini yang dilakukan oleh al-Dihlawi.

Selain itu, ketokohan beliau sebagai sarjana hadis kemungkinan tergugat jika beliau tidak mengaktifkan diri terlibat dalam kegiatan ini. Perkara ini memang mustahil terjadi kerana setiap ulama hadis sejati pasti mencari dan meriwayat sanad kitab-kitab hadis sama ada pada permulaan atau pertengahan atau pengakhiran hidup mereka. Bahkah penglibatan al-Dihlawi terbukti lebih besar dalam kegiatan ini dalam erti kata beliau merupakan tokoh revivalis terbilang yang

menempatkan serta memartabatkan semula keilmuan sanad pengajian Islam dalam konteks hadis di benua India dan tersebar kesinambungan rantaian beliau sehingga ke seluruh pelosok dunia Islam termasuk di Malaysia.

Konflik Kepentingan

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

Rujukan

‘Ali Jumu’ah, Muhammad. (2004). *Al-Madkhal ila dirasah al-madhahib al-fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.

‘Atiyyah, Shaykah Hamad. (2008). Al-Imam Shah Waliyy Allah al-Dihlawi wa juhuduh fi khidmah al-sunnah al-nabawiyyah. *Majallah Kulliyah al-Shari‘ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. Vol (26): 1-106.

Abu Ghuddah, *‘*Abd al-Fattah. (1992). *Al-Isnad mina al-din.* Beirut: Dar al-Qalam.

al-Barni*,* ‘Ashiq al-Ilahi. (1988). *Al-‘Anaqid al-ghaliyyah min al-asanid al-‘aliyyah.* Deoband: Maktabah Deoband.

Brown, J.A.C. (2009). *Hadith muhammad’s legacy in the medieval and modern world*. Oxford: Oneworld Publications.

al-Dihlawi, Shah Waliyy Allah Ahmad bin ‘Abd al-Rahim. (2003). *Ithaf al-Nabih fima Yahtaj Ilayh al-Muhaddith wa al-Faqih*. Lahore: Maktabah al-Salafiyyah.

al-Dihlawi, Shah Waliyy Allah Ahmad bin ‘Abd al-Rahim. (2009). *Al-Irshad ila Muhimmat al-Isnad*. Tahqiq: Badr bin ‘Ali bin Tami al-‘Utaibi. t.tp: Dar al-Afaq.

al-Fadani, Muhammad Yasin bin Muhammad ‘Isa. (1983). *Ithaf al-bardah bi asanid al-kutub al-hadithiyyah al-‘asharah*. Damshiq: Dar al-Basa’ir.

Ghassan *‘*Isa, Muhammad Hirmas. (2014). Kutub al-athbat wa dauruha fi hifz turath ahl al-hadith. *Majallah jami‘ah al-qudsi al-maftuhah li al-abhath wa al-dirasat- Jilid 2* (39): 189-229.

al-Ghawri, Sayyid ‘Abd al-Majid. (2007). *Mu‘jam al-mustalahat al-hadithiyyah*. Dimashq: Dar Ibn Kathir**.**

Ibn al-Salah, Abu ‘Amr ‘Uthman bin ‘Abd al-Rahman al-Shaharzuri. (2003). *Siyanah sahih muslim min al-ikhlal wa al-ghalat wa himayatuh min al-isqat wa al-saqat.* Tahqiq: Farid ‘Abd al-‘Aziz al-Jundi. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Hajar al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali. (1992). *Al-Majma‘ al-mu’assis li al-mu‘jam al-mufahris.* Tahqiq: Yusuf ‘Abd al-Rahman al-Mar ‘ashli. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.

al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali. (2008). *Al-Jami‘ li akhlaq al-rawi wa adab al-sami‘*. Tahqiq: Muhammad Ra’fat al-Sa‘id. Jumhuriyyah Misr al-‘Arabiyyah: Dar al-Wafa’.

Mahmud, Sa‘id Muhammad Mamduh. (2009). *Al-Ittijahat al-hadithiyyah fi al-qarn al-rabi‘ ‘ashar*. Kaherah: Dar al-Ba’ir.

Mar‘ashli, Yusuf ‘Abd al-Rahman. (2002). *Mu‘jam al-ma‘ajim wa al-mashyakhat wa al-faharis wa al-baramij wa al-athbat*. 4 Jil. Riyad: Maktabah al-Rushd.

al-Rajihiyy, ‘Abd al- ‘Aziz bin Faysal. (2001). *Hady al-sari ila asanid al-shaykh isma‘il al-ansariyy*. Riyad: Maktabah al-Rushd.

al-Tarmasi, Muhammad Mahfuz bin ‘Abd Allah. (1987). *Kifayah al-mustafid lima ‘ala mina al-asanid.* Tahqiq: Muhammad bin ‘Isa al-Fadani. Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah.